



SOSIAL

INDEKS SOSIAL

E nvironmental Social Governance Audit (ESG)	S-1	K omuniti : <i>Community</i>	S-10
I si Rumah	S-1	• Komuniti Berpagar : <i>Gated Community</i>	
• Isi Rumah : <i>Household</i>		• Komuniti Berpengawal : <i>Guarded Community</i>	
• Golongan B40 : <i>B40 Group (Bottom 40)</i>		M odal Insan : <i>Human Capital</i>	S-10
• Golongan M40 : <i>M40 Group (Middle 40)</i>		M odal Sosial : <i>Social Capital</i>	S-10
• Golongan T20 : <i>T20 Group (Top 20)</i>		O rang Asli : <i>Aborigines</i>	S-10
• Golongan Mudah Terjejas / Golongan Rentan : <i>Vulnerable Group</i>		O utstanding Universal Value (OUV)	S-10
• Pekali Gini : <i>Gini Coefficient</i>		P enduduk : <i>Residents</i>	S-11
K acau Ganggu : <i>Nuisance</i>	S-2	• Anggaran Penduduk : <i>Estimated Population</i>	
K ebun Bandar / Kebun Komuniti : <i>Urban Gardens / Community Gardens</i>	S-2	• Kepadatan Penduduk : <i>Population Density</i>	
K emudahan : <i>Facility</i>	S-2	• Penduduk Menua : <i>Ageing Population</i>	
K emudahan Keagamaan : <i>Religious Facilities</i>	S-2	• Unjuran Penduduk : <i>Projected Population</i>	
• Gereja : <i>Church</i>		• Penempatan Semula : <i>Resettlement</i>	
• Gurdwara		• Pola Petempatan : <i>Settlement Pattern</i>	
• Kuil : <i>Temple</i>		P usat Penjagaan Rawatan Ibu Selepas Bersalin dan Bayi : <i>Confinement Center</i>	S-11
• Masjid : <i>Mosque</i>		P usat Pentadbiran Daerah : <i>District Administrative Centre</i>	S-12
• Tokong		P usat Pertumbuhan Desa : <i>Rural Growth Centre</i>	S-12
• Surau		P usat Petempatan Kecil : <i>Sub Settlement Centre</i>	S-12
• Wat		P usat Petempatan Utama : <i>Main Settlement Centre</i>	S-12
K emudahan Masyarakat : <i>Public Facility</i>	S-3	P usat Separa Wilayah : <i>Sub Regional Centre</i>	S-12
• Kemudahan Bomba dan Penyelamat	S-4	T ahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP) : <i>Levels of Economic Development, Infrastructure and Wellbeing</i>	S-13
K emudahan Kebajikan : <i>Welfare Facilities</i>	S-4	T anggungjawab Sosial Korporat : <i>Corporate Social Responsibility (CSR)</i>	S-13
• Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) : <i>Child Care Centre</i>	S-5	W arisan : <i>Heritage</i>	S-13
• Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) : <i>Elderly Care Centre</i>	S-5	• Butiran Warisan : <i>Heritage Item</i>	
• Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) : <i>Palliative Care Centre</i>	S-5	• Tapak Warisan : <i>Heritage site</i>	
K emudahan Keselamatan - Polis : <i>Security Facilities - Police</i>	S-5	• Tapak Warisan Dunia : <i>World Heritage Site</i>	
• Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) : <i>Contingent Headquarter</i>	S-6	• Warisan Kebangsaan : <i>National Heritage</i>	S-14
• Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) : <i>Police District Headquarter</i>	S-6	• Warisan Kebudayaan : <i>Cultural Heritage</i>	
• Balai Polis : <i>Police Station</i>		Z on Pengaruh : <i>Zone of Influence (ZOI)</i>	S-15
• Balai Polis Komuniti / Pondok Polis : <i>Community Police Station</i>			
• Bit Polis : <i>Police Bit</i>	S-6		
K emudahan Kesihatan : <i>Health Facilities</i>			
• Hospital			
• Klinik Kesihatan / Poliklinik : <i>Polyclinic</i>	S-7		
K emudahan Pendidikan : <i>Educational Facilities</i>	S-7		
• Pra-sekolah / Tadika : <i>Pre-school / Kindergarten</i>	S-8		
• Sekolah Rendah : <i>Primary School</i>			
• Sekolah Menengah : <i>Secondary School</i>			
• Sekolah Pendidikan Khas : <i>Special Education School</i>			
• Institusi Pengajian Tinggi / Kolej / Politeknik : <i>Higher Education Institutions / College / Polytechnic</i>	S-9		
P erustakaan Awam : <i>Public Library</i>	S-9		
P usat Komuniti : <i>Community Center</i>	S-9		
• Dewan Serbaguna : <i>Multipurpose Hall</i>			
• Dewan Orang Ramai : <i>Public Hall</i>			
• Balai Raya : <i>Community Hall</i>			
K emudahan Sukan dan Rekreasi : <i>Sport and Recreational Facilities</i>	S-9		



Environmental Social Governance Audit (ESG)

Penilaian risiko suatu organisasi berkaitan dengan aspek alam sekitar, sosial dan urus tadbir korporat, bagi operasi produk atau perkhidmatan suatu syarikat. Matlamat audit ini adalah untuk mengenal pasti sebarang potensi risiko supaya ia boleh ditangani sebelum ia menjadi masalah di masa hadapan. (s¹)

Isi Rumah : Household

Terdiri daripada orang yang bersaudara dan atau tidak bersaudara yang biasa tinggal bersama dan membuat peruntukan yang sama untuk makanan dan keperluan hidup lain.

Ciri-ciri isi rumah adalah seperti berikut:

- i. Kumpulan ini berkongsi peruntukan untuk makanan dan keperluan lain daripada sumber kewangan yang disatukan bagi membuat penyediaan yang sama dan biasanya hidup bersama;
- ii. Sesebuah isi rumah boleh terdiri daripada beberapa ahli atau mungkin seorang ahli sahaja;
- iii. Orang-orang di dalam sesebuah tempat kediaman mungkin mempunyai pertalian kekeluargaan atau tidak bersaudara atau gabungan kedua-duanya sekali; dan
- iv. Biasanya satu isi rumah mendiami sebuah tempat kediaman. Walau bagaimanapun, kadangkala terdapat lebih daripada satu isi rumah menduduki tempat kediaman. (s²)

Golongan B40 : B40 Group (Bottom 40)

Kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah daripada taburan pendapatan keseluruhan. Isi rumah B40 adalah isi rumah berpendapatan di bawah RM4,360 sebulan. (s³)

Golongan M40 : M40 Group (Middle 40)

Kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus pertengahan daripada taburan pendapatan. Isi rumah M40 adalah isi rumah berpendapatan di antara RM4,360 hingga RM9,619 sebulan. (s⁴)

Golongan T20 : T20 Group (Top 20)

Kumpulan isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi daripada taburan pendapatan keseluruhan. Isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan kumpulan isi rumah T20 adalah berpendapatan melebihi RM9,619. (s⁵)

Golongan Mudah Terjejas / Golongan Rentan : Vulnerable Group

Merujuk kepada tujuh (7) golongan iaitu warga emas, orang kelainan upaya (OKU), orang miskin, pelarian/pendatang asing, wanita, belia dan kanak-kanak. (Orang miskin merujuk kepada isi rumah berpendapatan antara paras garis kemiskinan (PGK) dan 2.5 kali PGK iaitu berpendapatan kurang daripada RM2,000). (s⁶)

Pekali Gini : Gini Coefficient

Ukuran statistik yang digunakan untuk mengukur pengagihan pendapatan di kalangan penduduk negara tersebut, ia membantu dalam mengukur ketaksamaan pendapatan penduduk negara itu. (s⁷)

Kacau Ganggu : Nuisance

Sesuatu perbuatan, peninggalan atau benda yang menyebabkan atau mungkin menyebabkan bencana, kesusahan, kesalahan, kerosakan, bahaya atau kecacatan kepada deria penglihatan, bau atau pendengaran atau yang membencanakan atau berbahaya atau yang mungkin membencanakan atau berbahaya kepada kesihatan atau harta atau yang menjejaskan keselamatan atau hak penduduk umumnya. (s⁸)

S2



Majlis Bandaraya Kuantan mengeluarkan kompaun bersama notis kacau ganggu ke atas pemuja dan kontraktor yang didapati gagal menyelia tapak pembinaan dengan sempurna.

S3



Majlis Bandaraya Kuantan melakukan Operasi Kacau Ganggu setelah mendapat aduan dari penduduk setempat

S-2

Kebun Bandar/Kebun Komuniti : Urban Gardens/Community Gardens

Aktiviti menghasilkan, memproses, memasarkan produk pertanian dan ternakan di dalam kawasan bandar. Kebun bandar/kebun komuniti diusahakan oleh individu atau komuniti setempat. (s⁹)

S4



Kebun bandar yang menghasilkan produk pertanian diusahakan oleh komuniti setempat di Pulau Pinang.

S5



Aktiviti kebun bandar dapat mengeratkan hubungan komuniti setempat.

Kemudahan : Facility

Kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan atau swasta untuk kegunaan orang ramai.

Kemudahan Keagamaan : Religious Facilities

Kemudahan untuk beribadat, ceramah agama dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan dengan keagamaan seperti masjid, tokong, kuil dan wat Siam. (s¹⁰)

Gereja : Church

Bangunan keagamaan/rumah ibadat mengikut kepercayaan agama Kristian. (s¹¹)

S6

**Gurdwara**

Bangunan keagamaan untuk agama Sikh. (s¹²)

S7



Gurdwara Sahib, Kuching, Sarawak

Kuil : Temple

Bangunan keagamaan mengikut kepercayaan agama Hindu yang meliputi Kuil, Kovil dan Mandir Hindu seperti dewa-dewi Mariamman, Subramaniam, Vishnu, Siva, Ganesa dan Murugan. (s¹³)



Kuil Sri Subramaniam Swamy, Batu Caves, Selangor

Tokong

Bangunan keagamaan mengikut kepercayaan agama Buddha dan Tao yang meliputi Tokong dan Vihara Buddha serta Wat Siam untuk kepercayaan Theravada, Mahayana, Vajjarana dan Tokong Toaist. (s¹⁵)



Surau

Bangunan atau musalla bagi orang Islam beribadat dan pusat aktiviti kemasyarakatan setempat pada skala yang lebih kecil berbanding masjid; tidak digunakan untuk mendirikan sembahyang Jumaat kecuali bagi keadaan-keadaan yang dibenarkan oleh pihak-pihak berkuasa agama Islam negeri. (s¹⁶)



Surau As Syakirin, Taman Merpati Indah, Simpang Ampat, Pulau Pinang

Masjid : Mosque

Bangunan bagi orang Islam beribadat digunakan untuk mendirikan sembahyang Jumaat dan boleh menampung pelbagai aktiviti. (s¹⁴)



Masjid Ubudiah, Kuala Kangsar, Perak

Wat

Bangunan keagamaan mengikut kepercayaan yang berupa kuil atau candi. (s¹⁷)



Wat Phikulyai, Tumpat, Kelantan

Kemudahan Masyarakat : *Public Facility*

Kemudahan atau perkhidmatan yang disediakan oleh agensi-agensi berkaitan yang bertanggungjawab dalam penyediaannya, sama ada awam mahupun swasta, atau kedua-duanya sekali, untuk orang ramai atau masyarakat tempatan bagi meningkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan. (s¹⁸)

Kemudahan Bomba dan Penyelamat

Fungsi dan peranan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia berdasarkan peruntukan Akta Perkhidmatan Bomba 1998 [Akta 341]. Penyediaan perkhidmatan bomba di peringkat negeri dan daerah disalurkan melalui empat (4) kategori iaitu:

i. Balai Bomba Kategori A

- Disediakan di bandar utama, ibu negeri, pusat perindustrian utama, perindustrian berisiko tinggi, pusat perdagangan utama dan pusat strategik Kerajaan.
- Kemudahan ini perlu disediakan untuk penduduk tadahan seramai 100,000 orang.

ii. Balai Bomba Kategori B

- Disediakan di kawasan pinggir bandar utama/ibu negeri, kawasan pelabuhan, lapangan terbang utama serta sempadan utama negeri.
- Jumlah minimum penduduk tadahan adalah seramai 50,000 hingga 100,000 orang.

iii. Balai Bomba Kategori C

- Perlu disediakan di kawasan luar bandar, Bandar Diraja, pulau, pergunungan peranginan, pekan dan daerah pentadbiran baru.
- Keperluan kemudahan ini perlu disediakan mengikut penduduk tadahan seramai 50,000 orang.

iv. Balai Bomba Kategori D

- Perlu disediakan di kawasan luar bandar, Bandar Diraja, pulau, pergunungan peranginan dan pekan.
- Kemudahan ini perlu disediakan mengikut penduduk tadahan seramai 20,000 hingga 30,000 orang. (s¹⁹)

Kemudahan Kebajikan : *Welfare Facilities*

Kemudahan kebajikan dikategorikan kepada tiga (3), iaitu Pusat Aktiviti Kanak-Kanak, Pusat Aktiviti Warga Emas dan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) : *Child Care Centre*

Merupakan satu usaha yang menyeluruh, sistematik dan berkesan dalam usaha mencegah penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak. Pusat ini diuruskan oleh Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611]. (s²⁰)

S12



Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) : Elderly Care Centre

Perkhidmatan khusus di bawah kemudahan kebajikan warga emas yang dikenalpasti dalam Pelan Tindakan Dasar Warga Emas Negara ialah pewujudan Pusat Jagaan Harian Warga Emas (PJHWE) yang kini dikenali sebagai Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). (s²¹)

S13



Pusat Kebajikan Kalvari, Johor Bahru, Johor.

Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) : Palliative Care Centre

Perkhidmatan di bawah kemudahan kebajikan Orang Kelainan Upaya (OKU) ialah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Ia merupakan satu strategi di dalam pembangunan komuniti untuk rehabilitasi, penyamaan peluang dan integrasi sosial OKU di 428 buah PDK di seluruh negara. Ia dilaksanakan melalui penglibatan aktif OKU, keluarga dan masyarakat setempat dengan disokong oleh perkhidmatan kesihatan, pendidikan, vokasional dan sosial serta menggunakan sumber tempatan. (s²²)

S15



Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PDK) Kawasan Juru, Pulau Pinang.

S14



Antara aktiviti yang dijalankan di PDK Permatang Damar Laut, Batu Maung, Pulau Pinang.

Kemudahan Keselamatan - Polis : Security Facilities - Police

Terdapat lima (5) kategori kemudahan keselamatan polis iaitu:

i. Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) : Contingent Headquarter

- Hierarki tertinggi kemudahan polis bagi penyediaan pada peringkat Negeri.
- Sebuah IPK bagi setiap ibu negeri. (s²³)

S16



Ibu Pejabat Polis Kontinjen, Kota Kinabalu, Sabah

ii. Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) : Police District Headquarter

- Hierarki kedua tertinggi di dalam kemudahan polis.
- Perlu disediakan di setiap daerah dan di kawasan pembangunan bandar baru. (s²⁴)

S17



Ibu Pejabat Polis Daerah Pekan, Pahang

iii. Balai Polis : *Police Station*

- Sebuah bangunan yang berfungsi sebagai ibu pejabat yang terdapat di kawasan bandaraya, bandar utama, kawasan strategik yang berjauhan dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD), kawasan pusat petempatan, perumahan utama, pinggiran bandar utama, kawasan luar bandar, bandar kecil dan kawasan-kawasan lain yang difikirkan perlu.
- Terdapat lima (5) jenis balai polis yang mana keperluan kemudahan ini berdasarkan kepada bilangan penduduk, ancaman keselamatan, aktiviti/tren jenayah, keperluan sumber manusia dan hierarki perbandaran. (s²⁵)

iv. Balai Polis Komuniti/Pondok Polis : *Community Police Station*

- Kemudahan polis yang ditempatkan di setiap pusat petempatan dan taman perumahan utama yang mempunyai bilangan penduduk seramai 5,000 hingga 10,000 orang.
- Kemudahan ini juga disediakan di dalam lingkungan kawasan bandar besar, pusat pengajian tinggi dan kawasan tumpuan orang ramai. (s²⁶)

S18



Balai Polis Durian Tunggal, Melaka

S19



Balai Polis Komuniti Alam Impian, Shah Alam, Selangor

S20



Pondok Bit Polis Padang Polo, Sg. Senam, Ipoh, Perak

v. Bit Polis : *Police Bit*

Kemudahan ini biasanya diletakkan di kawasan tumpuan orang ramai ataupun kawasan perumahan, komersial, rekreasi, perindustrian; bergantung kepada kadar dan tren jenayah bagi sesuatu kawasan. (s²⁷)

Kemudahan Kesihatan : *Health Facilities*

Terbahagi kepada kemudahan perkhidmatan kesihatan primer, sekunder dan tertier.

- Perkhidmatan kesihatan primer merupakan kontak pertama pesakit dengan perkhidmatan kesihatan bagi kes-kes selain kecemasan. Ia disediakan di klinik kesihatan, klinik desa, klinik ibu dan anak serta klinik bergerak.
- Rawatan sekunder hanya diberi di hospital sama ada mempunyai pakar atau tanpa pakar.
- Hanya hospital yang mempunyai pakar sahaja akan memberikan rawatan tertier (tertiary treatment). (s²⁸)

Hospital

Hospital awam atau hospital kerajaan ialah hospital yang dimiliki oleh kerajaan dan menerima dana kerajaan. Hospital ini menyediakan rawatan perubatan secara percuma atau pada kos minimum di mana hampir segala kosnya ditanggung oleh kerajaan.

Manakala hospital swasta adalah hospital yang dibiayai melalui pembayaran untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan.



S21

Hospital Shah Alam, Selangor merupakan hospital awam.



S22

Hospital Pantai Kuala Lumpur merupakan salah satu hospital swasta di Lembah Klang.

Klinik Kesihatan/Poliklinik : Polyclinic

Klinik yang memberi perkhidmatan asas seperti rawatan kuratif, pencegahan dan pemulihan. (s²⁹)



S23

Klinik Kesihatan Bukit Indah, Johor Bahru, Johor.

Kemudahan Pendidikan : Educational Facilities

Kemudahan pendidikan terbahagi kepada lima (5) kategori iaitu:

i. Pra-sekolah/Tadika : Pre-school/ Kindergarten

- Kemudahan pendidikan untuk peringkat umur 4 hingga 6 tahun.
- Saiz kelas 25 pelajar (minimum).
- Kemudahan pra-sekolah boleh disediakan di sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, sekolah agama bantuan kerajaan, sekolah menengah kerajaan, sekolah menengah teknik, Institut Pendidikan Guru Malaysia, rumah panjang di Sarawak dan pusat komuniti di Sabah. (s³⁰)



S24

Tadika KEMAS Kg. Petaseh, Jelebu, Negeri Sembilan.

ii. Sekolah Rendah : Primary School

- Kemudahan pendidikan untuk peringkat umur 6 hingga 12 tahun.
- Saiz kelas 35 pelajar (minimum).
- Termasuk sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, sekolah agama dan juga sekolah swasta. (s³¹)



S25

Sekolah Kebangsaan Tanjung Keramat, Kuala Selangor, Selangor.

iii. Sekolah Menengah : *Secondary School*

- Kemudahan pendidikan untuk peringkat umur 13 hingga 17 tahun.
- Disediakan bagi 2 atau 3 unit kejuranan.
- Saiz kelas - 35 pelajar untuk satu sesi persekolahan.
- Terdapat 3 jenis sekolah menengah iaitu:
 - a) Sekolah menengah;
 - b) Sekolah menengah agama; dan
 - c) Sekolah menengah swasta.
- Terma Sekolah Menengah Teknik, Sekolah Menengah Vokasional, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Sekolah Menengah Berasrama Penuh adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia. (s³²)

S26



SMK Seri Sentosa, Kuala Lumpur

iv. Sekolah Pendidikan Khas : *Special Education School*

Kementerian Pendidikan Malaysia mentakrifkan Sekolah Pendidikan Khas disediakan kepada murid bermasalah penglihatan dan pendengaran. (s³³)

S27



Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas, Sungai Petani, Kedah

v. Institusi Pengajian Tinggi/Kolej/Politeknik : *Higher Education Institutions/College/Polytechnic*

Menyediakan pendidikan tinggi yang membawa kepada penganugerahan diploma, ijazah atau setaraf dengannya. (s³⁴)

S28



Perpustakaan Awam : *Public Library*

Perpustakaan yang perkhidmatannya terbuka kepada masyarakat umum (orang ramai). (s³⁵)

S29



Perpustakaan Awam Negeri Perak

Pusat Komuniti : *Community Center*

Merupakan keperluan penting bagi masyarakat sebagai tempat perjumpaan umum untuk tujuan sosial, politik, pembelajaran dan rekreasi. Kemudahan ini berperanan untuk memupuk semangat perpaduan dan kejiranan di samping berfungsi sebagai pusat untuk melaksanakan perkhidmatan Kerajaan seperti kempen kesihatan, aktiviti penerangan dan sebagainya. (s³⁶)

Dewan Serbaguna : *Multipurpose Hall*

Dewan serbaguna untuk penduduk antara 10,000 hingga 15,000 orang yang mempunyai komponen-komponen sokongan yang ditetapkan. (s³⁷)

Dewan Serba Guna Puchong Utama, Puchong, Selangor



S30

Dewan Orang Ramai : *Public Hall*

Dewan orang ramai untuk penduduk antara 1,000 hingga 10,000 orang yang mempunyai komponen-komponen sokongan yang ditetapkan. (s³⁸)

S31



Dewan Orang Ramai Taman Tasik Jaya, Seremban, Negeri Sembilan

Balai Raya : *Community Hall*

Balai Raya/Pusat Komuniti untuk penduduk antara 200 hingga 5,000 orang yang mempunyai komponen-komponen sokongan yang ditetapkan. (s³⁹)

S32



Balai Raya Kampung Alor Ara, Pekan, Pahang

Kemudahan Sukan dan Rekreasi : *Sport and Recreational Facilities*

Penyediaan kemudahan aktiviti rekreasi dan sukan untuk memenuhi pelbagai aktiviti contohnya stadium, gelanggang futsal, padang bola, padang permainan, astaka dan sebagainya. (s⁴⁰)



Stadium Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur

S33



Padang Hoki Sungai Petani, Kedah

Komuniti : Community

Sekumpulan manusia yang menetap dalam sebuah kawasan geografi berkongsi ciri-ciri kepercayaan, budaya, nilai, norma yang sama. Dihubungkan oleh struktur sosial yang terbina merentasi masa.

Komuniti Berpagar : Gated Community

Satu kumpulan komuniti yang tinggal di kawasan berpagar dan berpagawal sama ada di satu kawasan bangunan perumahan berbilang tingkat (*high-rise property*) seperti pangsapuri, kondominium dan *town-house* atau di kawasan kediaman bertanah (*landed property*) seperti banglo, teres dan rumah berkembar yang berhakmilik strata. (s⁴¹)

S34



Contoh bangunan perumahan berbilang tingkat di kawasan berpagar dan berpagawal

S35



Contoh reka bentuk dan seni bina kediaman yang terdapat di dalam sesebuah Skim Perumahan Strata.

Modal Insan : Human Capital

Manusia dilihat sebagai modal yang dinamakan 'modal insan' dan merupakan aset tenaga yang sungguh penting dan bermakna kepada kegiatan ekonomi pembangunan negara. (s⁴³)

Modal Sosial : Social Capital

Merupakan pautan, nilai-nilai bersama dan persefahaman dalam komuniti yang membolehkan individu dan kumpulan saling mempercayai. (s⁴⁴)

Outstanding Universal Value (OUV)

Nilai yang diiktiraf secara *universal* sebagai penting atau yang mempunyai pengaruh terhadap evolusi manusia secara keseluruhan pada suatu masa atau masa yang lain. (s⁴⁶)

Nilai OUV dalam sesuatu hartanah akan dipertimbangkan dalam pengiktirafan Warisan Dunia.

S36



Contoh lokasi perletakan pondok pengawal di komuniti berpagawal.

Komuniti Berpagawal : Guarded Community

Satu kumpulan komuniti yang tinggal di kawasan kediaman terkawal secara keseluruhan atau sebahagian di dalam skim-skim perumahan sedia ada di mana pegangan tanah adalah berhakmilik individu (bukan hak milik strata) setelah mendapat kelulusan daripada PBT. Skim komuniti berpagawal menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan sama ada mempunyai pondok pengawal atau tidak. (s⁴²)

Orang Asli : Aborigines

Seksyen 3, Akta Orang Asli 1954 [Akta 134], menyatakan orang asli ialah:

- i. Mana-mana orang yang bapanya ialah anggota kumpulan etnik orang asli, yang bercakap bahasa orang asli dan lazimnya mengikut cara hidup orang asli dan adat dan kepercayaan orang asli, dan termasuk seorang keturunan melalui jurai lelaki orang itu;
- ii. Mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa bayi oleh orang asli yang telah dibesarkan sebagai seorang orang asli, lazimnya bercakap bahasa orang asli, lazimnya mengikut cara hidup orang asli dan adat dan kepercayaan orang asli dan ialah anggota suatu masyarakat orang asli; atau
- iii. Anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan orang asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazimnya bercakap bahasa orang asli, lazimnya mengikut cara hidup orang asli dan adat dan kepercayaan orang asli dan masih lagi menjadi anggota suatu masyarakat orang asli. (s⁴⁵)

Penduduk : Residents

Seseorang yang menduduki atau mengawal mana-mana premis, atau berhubungan dengan premis yang bahagian yang berlainan diduduki oleh orang yang berlainan, orang yang masing-masingnya menduduki atau mengawal setiap bahagian itu.

Orang yang sebenarnya menduduki tanah atau bangunan yang mengenainya perkataan itu digunakan, atau yang berhak menjaga, mengurus atau mengawalnya sama ada bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen seorang lain, tetapi tidak termasuk seorang penginap. Orang yang menduduki premis yang mengenainya perkataan itu digunakan atau yang berkuasa menjaga, mengurus atau mengawalnya sama ada bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen seorang lain tetapi tidak termasuk seseorang penumpang.

Berhubungan dengan sesuatu tanah atau bangunan, termasuklah:

- i. Seseorang penyewa tanah atau bangunan.
- ii. Seseorang pemunya tanah atau bangunan yang memduduki atau secara lain menggunakan tanah atau bangunan itu.
- iii. Seseorang yang sebenar-benarnya menduduki tanah atau bangunan itu atau menjaga, mengurus, atau mengawal tanah atau bangunan itu, sama ada bagi pihaknya sendiri atau sebagai ejen bagi orang lain, tetapi tidak termasuk seseorang yang menumpang. (s⁴⁷)

Anggaran Penduduk : Estimated Population

Merujuk kepada saiz penduduk semasa di sesuatu kawasan. Anggaran ini dikira setiap tahun dan kaedah yang digunakan adalah kaedah komponen kohort iaitu pengiraannya berdasarkan perubahan komponen penduduk iaitu kelahiran, kematian serta migrasi dalaman dan antarabangsa bagi tahun semasa. Anggaran ini memberi gambaran tentang pertumbuhan dan perubahan penduduk dari segi struktur dan komposisinya. (s⁴⁸)

Kepadatan Penduduk : Population Density

Kepadatan penduduk bermaksud nisbah antara jumlah penduduk di sesebuah kawasan berbanding dengan keluasanannya. (s⁴⁹)

Penduduk Menua : Ageing Population

Penduduk berumur 60 tahun dan lebih mencapai 7 peratus daripada jumlah penduduk. (s⁵⁰)

Unjuran Penduduk : Projected Population

Anggaran penduduk yang diunjurkan untuk masa depan. Unjuran ini dikira setiap sepuluh tahun iaitu selepas Banci Penduduk dan Perumahan dijalankan. Kaedah komponen kohort yang terdiri daripada kelahiran, kematian dan migrasi bersih digunakan dalam membuat unjuran ini. Unjuran penduduk memberi gambaran tentang kemungkinan perubahan penduduk berdasarkan andaian kelahiran, kematian, migrasi dalaman dan antarabangsa masa depan. Data ini disediakan untuk kegunaan perancang dan pembuat dasar bagi merancang dan pelaksanaan pembangunan negara untuk jangka masa panjang serta digunakan dalam kajian dan penyelidikan oleh sektor awam dan swasta. (s⁵¹)

Penempatan Semula : Resettlement

Tindakan memindahkan penduduk atau sekumpulan penduduk ke petempatan baharu secara terancang dan beramai-ramai. (s⁵²)

Pola Petempatan : Settlement Pattern

Corak taburan tempat tinggal di sesuatu kawasan. (s⁵³)

Pusat Penjagaan Rawatan Ibu Selepas Bersalin dan Bayi : Confinement Center

Pusat penjagaan serta penginapan bagi ibu dan bayi sepanjang tempoh ibu berpantang selepas melahirkan bayi.



TLC Confinement Center, Shah Alam, Selangor

**Pusat Pentadbiran Daerah :
District Administrative Centre**

Kawasan bandar/pekan yang mempunyai pejabat pentadbiran seperti Majlis Daerah atau Pejabat Tanah dan Daerah serta agensi kerajaan lain. Mempunyai kemudahan awam dan infrastruktur untuk keperluan penduduk setempat. (s⁵⁴)

S38



Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Ipoh, Perak

**Pusat Petempatan Utama : Main
Settlement Centre**

Pusat utama dari segi pentadbiran, sosial dan ekonomi bagi seluruh daerah. (s⁵⁷)

S40



Bandar Baru Bangi merupakan pusat petempatan utama.

S39



Bandar Gopeng merupakan pusat pertumbuhan desa bagi beberapa buah kampung di sekitarnya.

**Pusat Pertumbuhan Desa :
Rural Growth Centre**

Merupakan pusat perkhidmatan desa yang utama kepada beberapa buah kampung yang terletak secara berkelompok dengan tampungan penduduk kurang 2,500 orang. (s⁵⁵)

Pusat Petempatan Kecil : Sub Settlement Centre

Sebuah kawasan peniagaan yang dilengkapi dengan kemudahan masyarakat dan keagamaan serta kawasan rekreasi. Pusat ini menawarkan perkhidmatan peringkat rendah seperti kedai runcit, bengkel membaiki motor, kedai alat tulis dan sebagainya. Pusat ini juga mempunyai tadahan penduduk di antara 1,000 hingga 10,000 orang dan menempatkan keperluan perkhidmatan serta peniagaan dalam lingkungan jarak lima (5) kilometer. (s⁵⁶)

**Pusat Separa Wilayah : Sub Regional
Centre**

Pusat utama dari segi pentadbiran, sosial dan ekonomi bagi kawasan pengaruh di seluruh wilayah. (s⁵⁸)

S41



Taiping merupakan pusat separa wilayah.

Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP) :

Levels of Economic Development, Infrastructure and Wellbeing

Geran yang digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan negeri termasuk projek pengurusan ekologi bagi melindungi kawasan perlindungan hutan dan marin di negeri masing-masing.

la bertujuan membantu negeri-negeri melaksanakan program/projek pembangunan bagi manfaat rakyat sekali gus dapat merapatkan jurang kekayaan dan pendapatan supaya mencapai matlamat pembangunan sosioekonomi seimbang. (s⁶⁰)

Tanggungjawab Sosial Korporat : Corporate Social Responsibility (CSR)

Kewajipan pengurusan sesebuah organisasi untuk membuat kebijakan dan kebaikan kepada masyarakat dan juga organisasi. CSR juga merupakan komitmen bagi mempertingkatkan kesejahteraan rakyat serta meningkatkan imej organisasi. (s⁶⁰)



Program Corporate Social Responsibility di Pantai Kundor, Kota Bharu, Kelantan.

WARISAN : Heritage

Membawa pengertian generik Warisan Kebangsaan, tapak, objek dan warisan kebudayaan di bawah air sama ada disenaraikan atau tidak dalam Daftar Warisan. (s⁶¹)


Butiran Warisan : Heritage Item

Sebarang aset Warisan Kebangsaan, tapak warisan, objek warisan atau warisan kebudayaan yang disenaraikan dalam Daftar Warisan Kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. (s⁶²)

Tapak Warisan : Heritage site

Sesuatu tapak yang ditetapkan sebagai tapak warisan di bawah Seksyen 24, Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. (s⁶³)

S42



Tapak warisan Lembah Lenggong, Perak

Tapak Warisan Dunia : *World Heritage Site*

Tapak warisan dunia adalah tempat-tempat khusus seperti hutan, gunung, tasik, monumen, bangunan, kompleks atau bandar yang dicalonkan dan mendapat pengesahan untuk dimasukkan ke dalam senarai yang dikendalikan oleh Program Warisan Dunia Antarabangsa UNESCO. (s⁶⁴)

S43



Tapak warisan dunia Gunung Mulu, Sarawak

Warisan

Kebangsaan : *National Heritage*

Ertinya mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan di bawah air atau mana-mana orang hidup yang diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan di bawah seksyen 67, Akta Warisan Kebangsaan [Akta 645]. (s⁶⁵)

S44



Istana Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan merupakan salah satu Warisan Kebangsaan.

S45



Candi Pengkalan Bujang, Merbok, Kedah.

Warisan Kebudayaan : *Cultural Heritage*

Bentuk ketara atau tidak ketara, harta, struktur atau artifak kebudayaan dan boleh termasuk perkara, objek, butiran, artifak, struktur pembentukan, persembahan, tarian, nyanyian, muzik warisan yang penting kepada cara hidup rakyat Malaysia, dari segi sejarah atau semasa, di atas atau di dalam tanah atau warisan kebudayaan di bawah air bagi bentuk ketara tetapi tidak termasuk warisan semula jadi. (s⁶⁶)

S46



Wayang Kulit



S47



Alat muzik gamelan merupakan Warisan Kebudayaan

Zon Pengaruh : Zone of Influence (ZOI)

Secara amnya, Zon Pengaruh (*Zone of Influence, ZOI*) merupakan sesuatu ruang lingkungan kawasan fizikal dalam sempadan tapak bagi sesuatu cadangan projek, di mana terdapatnya pihak berkepentingan atau penerima impak dalam kawasan fizikal tersebut berkemungkinan akan mengalami perubahan kualiti sosial, iaitu sama ada akan mengalami kesan-kesan negatif dan/atau menerima kesan-kesan positif hasil daripada pelaksanaan projek tersebut. (s⁶⁷)



SUMBER TAFSIRAN

- ^{s1} <https://www.esgthereport.com/what-is-esg/the-g-in-esg/what-is-an-esg-audit/>
- ^{s2} Jabatan Perangkaan Malaysia
- ^{s3} Jabatan Perangkaan Malaysia
- ^{s4} Jabatan Perangkaan Malaysia
- ^{s5} Jabatan Perangkaan Malaysia
- ^{s6} Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN 2), 2016
- ^{s67} Rancangan Wilayah Bersepadu (RWB)
- ^{s8} Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133]
- ^{s9} Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN 2), 2016
- ^{s10} Garis Panduan dan Perancangan Tokong, Kuil, Gereja dan Gurdwara, 2011
- ^{s11} Garis Panduan dan Perancangan Tokong, Kuil, Gereja dan Gurdwara, 2011
- ^{s12} Garis Panduan dan Perancangan Tokong, Kuil, Gereja dan Gurdwara, 2011
- ^{s13} Garis Panduan dan Perancangan Tokong, Kuil, Gereja dan Gurdwara, 2011
- ^{s14} Draf Garis Panduan Perancangan Masjid dan Surau, JPBD Semenanjung Malaysia, 2009
- ^{s15} Garis Panduan dan Perancangan Tokong, Kuil, Gereja dan Gurdwara, 2011
- ^{s16} Draf Garis Panduan Perancangan Masjid dan Surau, JPBD Semenanjung Malaysia, 2009
- ^{s17} Garis Panduan dan Perancangan Tokong, Kuil, Gereja dan Gurdwara, 2011
- ^{s18} Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013
- ^{s19} Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013
- ^{s20} Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013
- ^{s21} Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013
- ^{s22} Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013
- ^{s23} Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013
- ^{s24} Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013
- ^{s25} Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013
- ^{s26} Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013
- ^{s27} Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013
- ^{s28} Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013
- ^{s29} Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013
- ^{s30} Garis Panduan dan Perancangan dan Penubuhan Tadika dan Taska, 2017
- ^{s31} Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013
- ^{s32} Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013
- ^{s33} Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013
- ^{s34} Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013
- ^{s35} Dewan Bahasa dan Pustaka
- ^{s36} Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013
- ^{s37} Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013
- ^{s38} Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013
- ^{s39} Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013
- ^{s40} Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Rancangan Pembangunan
- ^{s41} Garis Panduan Perancangan Skim Perumahan Komuniti Strata (GPP SPKS), 2019
- ^{s42} Garis Panduan Perancangan dan Penubuhan Skim Komuniti Bergengawal (Perumahan Bukan Strata) (GPP SKB), 2019
- ^{s43} Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021
- ^{s44} Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021
- ^{s45} Akta Orang Asli 1954 [Akta 134]
- ^{s46} Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021
- ^{s47} Glosari Perundangan Perancangan Bandar dan Desa, 2015
- ^{s48} Jabatan Perangkaan Malaysia
- ^{s49} Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021
- ^{s50} Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN 3), 2016
- ^{s51} Jabatan Perangkaan Malaysia
- ^{s52} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002
- ^{s53} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002
- ^{s54} Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN 2), 2016
- ^{s55} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002
- ^{s56} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002
- ^{s57} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002
- ^{s58} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002
- ^{s59} Garis Panduan Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup Perbendaharaan Malaysia (TAHAP), 2021
- ^{s60} Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN 2), 2016
- ^{s61} Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]
- ^{s62} Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]
- ^{s63} Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]
- ^{s64} Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021
- ^{s65} Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]
- ^{s66} Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021
- ^{s67} Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial (PPSIA)

SUMBER GAMBAR

- S1 <https://sustainability-academy.org/the-power-of-esg-sustainable-investing/>
- S2 Sinar Harian, 10 November 2021
- S3 <https://mbk.gov.my/portal/en/berita/operasi-kacau-ganggu/>
- S4 www.buletinmutiara.com
- S5 <https://www.sinarharian.com.my/>
- S6 https://www.tripadvisor.com.sg/ShowUserReviews/g2550635-d3605935-r217787864-St_Anne_s_Church-Bukit_Mertajam_Seberang_Perai_District_Penang.html
- S7 <https://www.worldgurudwaras.com/gurudwaras/gurudwara-sahib-kuching-sarawak/>
- S8 <https://www.kwiknews.com.my/2021/01/26/thaipusam-tahun-ini-disambut-tanpa-kavadi-bunyi-urumee-melam/>
- S9 <https://www.kualakangsar.gov.my/ms/masjid-ubudiah-0>
- S10 <https://www.iloveborneo.my/tokong-cina-landmark-keramat-sibu-salah-satunya-yang-terbesar-di-asia-tenggara/>
- S11 https://www.helpmecovid.com/my/148545_surau-as-yakirin
- S12 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- S13 <https://pkk.com.my/>
- S14 <https://www.penang-traveltips.com/homes/pdk-permatang-damar-laut.htm>
- S15 <https://www.jordanoralfcare.my/latest-news/>
- S16 <http://pdkjuru.blogspot.com/2012/01/profile-pdk-juru.html>
- S17 https://upload.wikimedia.org/wikipedia/commons/d/df/KotaKinabalu_Sabah_Ibu-Pejabat-Polis-Kontinjen-Sabah-01.jpg
- S18 <https://www.sinarharian.com.my/article/150916/edisi/covid-19-balai-polis-durian-tunggal-ditutup-empat-hari>
- S19 <https://foursquare.com/v/balai-polis-komuniti-alam-impian/55a75d5e498ea19ef82753f1?openPhotoid=5cce7c27326fb1002e1c225a>
- S20 <https://mapio.net/pic/p-40945617/>
- S21 <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2015/10/82708/hsa-dibuka-untuk-pesakit-temujanji>
- S22 <https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/05/814360/mitsui-mahu-jadikan-ihh-syarikat-persendirian/>
- S23 <https://www.johorpages.com/listing/klinik-kesihatan-bukit-indah/>
- S24 Garis Panduan dan Perancangan dan Penubuhan Tadika dan Taska, 2017
- S25 <http://cheqwan81.blogspot.com/2014/11/sejarah-sekolah-kebangsaan-tanjung.html>
- S26 SMK Seri Sentosa Blogspot
- S27 <http://skpksungaipetani.blogspot.com/2013/09/sekitar-sekolah.html>
- S28 <https://korporat.uitm.edu.my/index.php/corporate/profile>
- S29 Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013
- S30 <https://d2j6dbq0eux0bg.cloudfront.net/images/18059755/2762125843.jpg>
- S31 <https://www.mbs.gov.my/ms/rakyat/perkhidmatan/kemudahan-awam-tempahan/dewan-dewan>
- S32 <https://lh3.googleusercontent.com/p/AF1QipOlvb4GBCaPrDrB7gXF5YNwrizZqtbfxYg7AH2S=w1080-h608-p-k-no-v0>
- S33 <https://jpmmpspk.wixsite.com/jpmmpspk/post/padang-hoki-sintetik-kompleks-sukan-mpspk>
- S34 https://dwxbwps5boihg.cloudfront.net/classifiedad/pictures/7936256/green_villa_apatment_askjs-gYaG2M3gmwZBr.jpg?v=1543115742
- S35 Sumber:<https://paramountproperty.my/sejati/>
- S36 Garis Panduan Perancangan dan Penubuhan Skim Komuniti Berpengawal (Perumahan Bukan Strata) (GPP SKB), 2019
- S37 <https://www.facebook.com/tlccconfinement/>
- S38 <http://2.bp.blogspot.com/-l6L3Jsezhl0/Tfj2Aryo10/AAAAAAAAAAEt4/D5tHfastZ9g/s1600/pjt+tanah.jpg>
- S39 http://1.bp.blogspot.com/-1-7q5-7zPKA/UUFTpV0fQI/AAAAAAAAAJ5/_eF6n0xJ370/s1600/zmg+001+Gopeng+Old+own.JPG
- S40 <https://spfm.com.my/gandaria/img/feature/1.png>
- S41 <https://blog.catchthatbus.com/2019/03/08/taiping-is-worlds-3-most-sustainable-city/>
- S42 <https://iluminasi.com/bm/4-kawasan-di-malaysia-yang-diiktiraf-tapak-warisan-dunia.html>
- S43 <https://iluminasi.com/bm/4-kawasan-di-malaysia-yang-diiktiraf-tapak-warisan-dunia.html>
- S44 <https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/01/14/royal-town-with-rich-heritage>
- S45 http://wanderlustdj.blogspot.com/2014/09/visit-malaysia-year-2014_29.html
- S46 <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/487286/lagu-nyanyian-ramlee-diisytihar-warisan-kebangsaan>
- S47 <https://www.nst.com.my/amp/news/nation/2019/09/525536/high-hopes-wayang-kulit-revival-after-mak-yong-return>
- S48 <https://www.emaze.com/@AZCQZILZ&tbnid=svDX5-b1XArdSM&vet=1&docid=mtQIB5bOsqa3uM&w=1280&h=720&hl=en-US&source=sh/x/im>